



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN

PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN LIMA
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH NEGERI SEMBILAN 2024

PERNIAGAAN

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

- 1 *Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan.*
- 2 *Jawab **semua** soalan.*
- 3 *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf **A, B, C dan D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas jawapan yang disediakan.*
- 4 *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

Kertas soalan ini mengandungi 13 halaman bercetak.


[Lihat halaman sebelah

- 1 Pernyataan berikut berkaitan dengan kaedah perniagaan organisasi bukan bermotifkan untung.

Barang bersubsidi disediakan oleh kerajaan bagi membantu meringankan beban rakyat.

Apakah kaedah perniagaan tersebut?

- A Secara percuma
 - B Jualan pada harga kos
 - C Jualan pada harga di atas kos
 - D Jualan pada harga di bawah kos
- 2 Gambar 1 menunjukkan dua bentuk pemilikan perniagaan.



Gambar 1

Apakah persamaan pemilikan perniagaan tersebut?

- A Proses penubuhan rumit
 - B Hayat perniagaan berterusan
 - C Kerugian sekadar modal sahaja
 - D Menanggung liabiliti tidak terhad
- 3 Apakah kelebihan menjadi rakan kongsi nominal dalam perniagaan perkongsian?
- A Bayaran gaji secara bulanan
 - B Bebas menguruskan perniagaan
 - C Tidak perlu mengeluarkan modal
 - D Kerugian tidak melibatkan aset peribadi

- 4 Logo 1 berkaitan dengan satu pemilikan perniagaan.



Logo 1

Manakah yang berkaitan dengan pemilikan perniagaan tersebut?

- A Laporan kewangan perlu diumumkan kepada orang ramai
 - B Syarikat dan pemilik adalah entiti perniagaan yang sama
 - C Saham tidak boleh diurus niaga di Bursa Malaysia
 - D Bilangan ahli tidak melebihi 50 orang
- 5 Pernyataan berikut berkaitan bentuk perniagaan lain.
- Encik Ahmad membeli hak kebenaran menggunakan jenama daripada Tino's Pizza untuk beroperasi di Seremban, Negeri Sembilan.
- Apakah peranan Tino's Pizza bagi melancarkan aktiviti perniagaan tersebut?
- A Memperuntukkan bantuan modal kewangan
 - B Menggunakan cap dagangan yang seragam
 - C Mengaplikasikan sistem yang ditetapkan
 - D Menyediakan latihan pembangunan staf
- 6 Antara yang berikut, manakah kekurangan perniagaan bersaiz kecil berbanding perniagaan bersaiz besar?
- I Kos pengeluaran tinggi
 - II Wujud birokrasi pengurusan
 - III Komunikasi kurang berkesan
 - IV Sukar mendapat pekerja mahir
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 7 Perniagaan yang manakah berkaitan dengan sektor sekunder?
- A Syarikat Air Melaka Berhad
 - B Hafiz Perfumes Trading
 - C KPJ Healthcare Berhad
 - D Radin Agro Enterprise

8 Antara yang berikut, pelepasan cukai manakah yang diberikan kepada perniagaan berstatus Koridor Raya Multimedia (MSC)?

- I Potongan cukai
- II Elaun pelaburan semula
- III Elaun cukai pelaburan
- IV Pengecualian cukai

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

9 Situasi berikut berkaitan aspek perkembangan aktiviti perniagaan.


Encik Wan pemilik perusahaan makanan sejuk beku di Kuala Pilah ingin meningkatkan kemahiran dalam pengurusan dan kawalan kualiti.

Agensi kerajaan manakah yang dapat memenuhi hasrat Encik Wan?

A



B



C



D



[Lihat halaman sebelah
SULIT

- 10 Maklumat berikut berkaitan peranan kerajaan dari aspek guna tenaga.

BH
Berita Harian

Pelaksanaan RFID selaras Hasrat MLFF



KUALA LUMPUR : Pelaksanaan penggunaan Identifikasi Frekuensi Radio (RFID) selaras Hasrat Kementerian Kerja Raya untuk memperkenalkan sistem kutipan tol tanpa henti yang dikenali sebagai Aliran Bebas Pelbagai Lorong (MLFF).

Dipetik daripada ; <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/>

- Apakah pengangguran yang berlaku akibat pelaksanaan peranan kerajaan tersebut?
- A Pengangguran teknologi
 - B Pengangguran bermusim
 - C Pengangguran struktur
 - D Pengangguran kitaran
- 11 Maklumat berikut berkaitan peranan kerajaan bagi mengatasi satu masalah ekonomi.

**Kadar cukai pendapatan
Dikurangkan 2% :**


Banjaran pendapatan bercukai
RM50,001 - RM70,000: Turun daripada 13% ke 11%

Antara yang berikut, manakah kesan daripada pelaksanaan peranan tersebut?

- I Menurunkan kuasa beli masyarakat
- II Meningkatkan pendapatan boleh guna
- III Menambahkan semula permintaan barang
- IV Mengurangkan perbelanjaan kerajaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 12 Rajah 1 berkaitan dengan faktor persekitaran yang mempengaruhi perniagaan.



Rajah 1

Apakah kelemahan kepada perniagaan yang memilih Z?

- A Prestasi pekerja sukar dijangka
 - B Program induksi tidak diperlukan
 - C Mempunyai pengetahuan stereotaip
 - D Mengambil masa memahami budaya
- 13 Ciri objektif manakah yang menjurus kepada peluang yang tidak mustahil untuk dicapai?
- A Spesifik
 - B Munasabah
 - C Boleh diukur
 - D Jangka masa
- 14 Butiran berikut berkaitan dengan pengeluaran 10 000 unit beg Kilang Johny Trading.

Gaji pekerja	RM280 000
Bahan mentah	RM200 000
Sewa kilang	RM20 000
Kos tetap lain	RM80 000
Kos berubah lain	RM100 000

Berapakah kuantiti pengeluaran pada situasi titik pulang modal jika harga jualan seunit beg RM80?

- A 8500 unit
 - B 7600 unit
 - C 7500 unit
 - D 7143 unit
- 15 Situasi manakah yang berkaitan dengan faktor luaran yang mempengaruhi perubahan misi perniagaan?
- A Pekerja berkomunikasi menggunakan rangkaian intranet
 - B Pengurus kilang menguruskan tempat tinggal pekerja asing
 - C Pengusaha chalet membuat promosi jualan secara dalam talian
 - D Peladang menggunakan sistem air bawah tanah akibat cuaca panas

[Lihat halaman sebelah

SULIT

- 16 Antara yang berikut, manakah yang berkaitan dengan bahagian fungsian teknologi maklumat dan komunikasi?
- I Menyimpan maklumat perniagaan dengan cekap
 - II Membuat kawalan pemeriksaan kualiti produk
 - III Menjawab pertanyaan berkaitan perkhidmatan
 - IV Mewujudkan jaringan perniagaan yang lebih luas
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 17 Bahagian fungsian manakah yang memerlukan pakar teknikal untuk memberi nasihat tentang penggunaan produk?
- A Bahagian fungsian pentadbiran
B Bahagian fungsian khidmat pelanggan
C Bahagian fungsian sumber manusia
D Bahagian fungsian kewangan
- 18 Gambar 2 berkaitan dengan satu saluran agihan.



Gambar 2


Apakah saluran agihan tersebut?

- | | | | | | | | |
|---|-----------|---|-----------|---|----------|---|----------|
| A | Pengeluar | → | ejen | → | peruncit | → | pengguna |
| B | Pengeluar | → | pemborong | → | peruncit | → | pengguna |
| C | Pengeluar | → | peruncit | → | pengguna | | |
| D | Pengeluar | → | pengguna | | | | |

Join SPM Study Group
<https://spmpaper.me/group>



- 19 Rajah 2 berkaitan langkah-langkah pembangunan produk baharu.



Rajah 2

Apakah tujuan langkah T dilakukan?

- A Menguji konsep baharu produk
 - B Melaksanakan kajian semula jualan
 - C Melakukan ujian terhadap produk prototaip
 - D Menggugurkan cadangan yang tidak berpotensi
- 20 Maklumat berikut berkaitan dengan proses komunikasi.

Keputusan mesyuarat mendapati bahawa lima daripada lapan orang ahli lembaga pengarah bersetuju dengan cadangan yang diberikan oleh pengurus pemasaran.

Apakah proses komunikasi tersebut?

- A Enkod
 - B Dekod
 - C Saluran
 - D Maklum balas
- 21 Antara yang berikut, manakah merujuk kepada peranan pengurusan sumber manusia?

- I Memantau prestasi pekerja secara berterusan
- II Memastikan sumber manusia sentiasa mencukupi
- III Merekrut dan memilih pekerja yang berkeelayakan
- IV Meningkatkan prestasi sumber manusia melalui kursus

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 22 Pernyataan berikut berkaitan satu aspek pengelolaan sumber manusia.

Anggota polis mempunyai insurans berkelompok kerana sentiasa melakukan tugas berisiko tinggi memerangi jenayah.

Apakah aspek pengelolaan yang berkaitan dengan pernyataan tersebut?

- A Sistem penggajian
- B Penyelesaian masalah
- C Standard prosedur operasi tugas
- D Penempatan pekerja dan fasiliti

- 23 Maklumat berikut berkaitan dengan kemahiran kebolehkkerjaan.

JAWATAN KOSONG
PEGAWAI SAINS GRED 41
JABATAN KIMIA MALAYSIA

Keperluan bidang:
(i) Biologi Molekul
(ii) Forensik



Apakah kemahiran kebolehkkerjaan yang diperlukan?

- A Berkemampuan menyelesaikan masalah
- B Berpengetahuan tentang perkhidmatan
- C Berpengalaman dalam industri tertentu
- D Berkeupayaan mencapai sasaran pasukan

- 24 Maklumat berkaitan dengan sebuah organisasi perniagaan.

Cik Umairah sebagai pengurus besar Syarikat Global Berhad telah mengarahkan semua pengurus di cawangan utara dan selatan bagi menghadiri kursus kepimpinan pada bulan hadapan.

Apakah jenis struktur organisasi yang digunakan dalam Syarikat Global Berhad?

- A Struktur organisasi berdasarkan matriks
- B Struktur organisasi berdasarkan pelanggan
- C Struktur organisasi berdasarkan wilayah
- D Struktur organisasi berdasarkan produk

- 25 Antara yang berikut, manakah faktor penentu sistem penggajian?
- I Kemampuan sesebuah organisasi
 - II Penawaran dan permintaan buruh
 - III Keadaan sosiologi yang seimbang
 - IV Perkembangan aktiviti pemasaran
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 26 Manakah yang merujuk kepada sumber fizikal?
- A Logo perniagaan
B Perisian akaun
C Nota muzik
D Kedai kopi
- 27 Gambar 3 berkaitan prosedur yang perlu dilakukan dalam mengurus sumber fizikal.



Gambar 3

- Apakah tujuan usahawan melakukan prosedur tersebut?
- A Memelihara perniagaan daripada disalah guna pihak lain
B Mengelakkan kerosakan ketika menjalankan perniagaan
C Memastikan sumber fizikal dapat bertahan lebih lama
D Mendapatkan pampasan atas risiko yang berlaku
- 28 Apakah tujuan perusahaan automotif memohon hak eksklusif bagi perniagaannya?
- A Mempercepatkan proses pendaftaran perniagaan
B Memudahkan produk dipasarkan ke luar negara
C Mendapatkan hak perlindungan undang-undang
D Memperoleh pelepasan cukai tahunan kerajaan

- 29 Maklumat berikut berkaitan sejenis sumber pembiayaan.

Usahawan memohon institusi kewangan mengambil alih tugas mengutip hutang perniagaan melalui pembelian invoice dengan harga diskaun.

Apakah tujuan usahawan berbuat demikian?

- A Menghindari hutang lapuk dalam perniagaan
 - B Menjamin perniagaan membayar balik pinjaman
 - C Menebus semula barang berharga yang dicagarkan
 - D Memberi peluang usahawan memiliki barang mewah
- 30 Apakah agensi yang memberi jaminan kredit bagi memudahkan permohonan pinjaman usahawan diterima oleh pihak bank?
- A TEKUN
 - B MOSTI
 - C MARA
 - D CGC
- 31 Manakah butiran aset semasa dalam Kunci Kira-kira?
- A Inventori akhir
 - B Ambilan tunai
 - C Untung bersih
 - D Pinjaman modal
- 32 Pasangan manakah yang betul berkaitan kos yang diperlukan dalam operasi sebuah restoran?

	Kos tetap	Kos berubah
A	Minyak van	Peralatan memasak
B	Peralatan memasak	Insurans kebakaran
C	Insurans kebakaran	Upah pekerja
D	Upah pekerja	Minyak van

- 33 Butiran berikut diambil daripada penyata kewangan Restoran Geliga Jaya Sdn. Bhd.

Butiran	RM
Jualan	350 000
Pulangan Jualan	1 500
Untung Kasar	230 200
Untung Bersih	115 100

Berapakah peratusan margin untung bersih perniagaan tersebut?

- A 33.03 %
- B 32.89 %
- C 66.05 %
- D 65.77 %

- 34 Apakah tujuan pengiraan pusing ganti aset bagi sesebuah perniagaan?
- A Menghitung aset bagi mengetahui pulangan atas modal
 - B Menilai kecekapan penggunaan aset dalam menjana jualan
 - C Mengira keupayaan aset menjelaskan liabiliti semasa
 - D Mengukur kecairan aset perniagaan yang sangat tinggi
- 35 Gambar 4 berkaitan dengan sejenis stok perniagaan.




Gambar 4

- Mengapakah stok ini dikatakan stok yang berisiko tinggi?
- A Stok yang mudah rosak
 - B Dapat dijual dengan pantas
 - C Ketinggalan zaman jika disimpan lama
 - D Perlu sediakan khidmat penyelenggaraan
- 36 Antara yang berikut, manakah dokumen perniagaan yang terlibat dalam rekod pembelian?
- I Memo
 - II Invois
 - III Bil tunai
 - IV Bil insurans
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 37 Mengapakah usahawan perlu menyediakan penyata aliran tunai?
- A Menjangka prestasi perniagaan pada masa hadapan
 - B Menentukan keupayaan menjelaskan hutang
 - C Mengenal pasti tanggungan dengan pihak luar
 - D Mengetahui baki hutang perniagaan dengan bank

[Lihat halaman sebelah

SULIT

- 38 Rajah 3 berkaitan dengan aspek campuran pemasaran.



Rajah 3

Apakah situasi di **X**?

- A Pasar Raya D7 memberi baucar RM10 bagi pembelian melebihi RM200
 - B Kedai Elektrik Abon memberi jaminan pembelian barang selama setahun
 - C Syarikat Perabot E & Y menyediakan perkhidmatan penghantaran barang
 - D Pengusaha gerai menjual makanan dengan nilai berpatutan kepada pelancong
- 39 Elemen manakah yang terdapat dalam rancangan operasi?
- A Jadual gaji
 - B Pelan lokasi
 - C Syer pasaran
 - D Carta organisasi
- 40 Soalan 40 berdasarkan pilihan jawapan dalam jadual yang diberikan.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

Pernyataan I

Penduduk Malaysia lebih mengutamakan kegiatan sektor pertanian untuk meningkatkan ekonomi negara pada era 1990-an.

Pernyataan II

Sektor perkhidmatan swasta menjadi salah satu penggerak utama kemajuan dan kepesatan ekonomi Malaysia pada abad ke-21.